

RINGKASAN EKSEKUTIF

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) ini disediakan bagi **Cadangan Pembangunan Perumahan 96.93 Hektar Di Atas Sebahagian Lot 38 Dan Lot 57(Lot Baru 10752) Di Mukim Tanjong Minyak, Daerah Melaka Tengah, Melaka**. Keluasan tapak pembangunan ialah 96.93 hektar (239.54 ekar).
- 1.2 Projek ini adalah aktiviti yang ditetapkan sebagai **Aktiviti 16** dan tertakluk dalam **Jadual Pertama, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015** di bawah **Seksyen 34A (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**.
- 1.3 Projek ini dicadang oleh Tetuan **Teladan Setia Sdn. Bhd.**. Laporan EIA ini telah disedia dan dikemukakan oleh pasukan perunding yang diketuai oleh En. **Ng Tiong Sheng**, Perunding EIA yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar Malaysia (DOE Reg. No C0846).

2.0 PERNYATAAN KEPERLUAN

- 2.1 Melaka telah diisytiharkan sebagai negeri maju pada 20 Oktober 2010 selepas memenuhi lima aspek-aspek kritikal yang merangkumi ekonomi, sosial, infrastruktur, alam sekitar dan pentadbiran. Pelan Pembangunan Melaka Fasa Ke-2, 2025 telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengekalkan pencapaian serta memastikan pertumbuhan yang berterusan dalam pembangunan Negeri.
- 2.2 Kerajaan Negeri telah menuju ke arah membangunkan industri-industri khusus dan berdaya saing dalam negeri yang pasti akan meningkatkan permintaan pelbagai jenis rumah serta suasana hidup yang lebih berkualiti. Populasi negeri Melaka dijangka akan meningkat kepada 952,451 pada tahun 2020 daripada 605,239 pada tahun 2000. Berdasarkan keadaan tersebut, permintaan rumah dijangka akan meningkat dan mencapai 207,830 unit pada tahun 2020.

2.3 Cadangan Projek ini adalah untuk mencapai matlamat-matlamat berikut:

- i. Mewujudkan pembangunan perumahan baru yang terancang secara mampan;
- ii. Menyokong aspirasi Kerajaan Negeri untuk mengekalkan pencapaian semasa serta menampung permintaan dan bekalan perumahan yang semakin mencabar.
- iii. Menyediakan pelbagai jenis kediaman untuk segmen masyarakat yang berbeza bagi kawasan yang berlainan dalam negeri.
- iv. Menebus guna kawasan sediaada secara mampan untuk pembangunan yang sesuai bagi memastikan pertumbuhan sosio-ekonomi setempat dan Negeri Melaka.

3.0 HURAIAN PROJEK

- 3.1 Tapak cadangan yang berkeluasan 96.93 hektar ini adalah terletak di atas Lot 38 dan Lot 57 (Lot Baru 10752) di Mukim Tanjung Minyak, Daerah Melaka Tengah, Melaka. Keseluruhan tapak adalah ladang kelapa sawit yang matang dan masih berhasil dengan sebahagiannya ditumbuhi tumbuhan renek. Tapak ini adalah terletak di latitud 2°17'33"N hingga 2°18'15"N dan longitud 2°18'15"N hingga 102°10'58"E.
- 3.2 Projek cadangan ini dikelilingi kawasan perumahan sediaada. Tapak ini dapat diakses melalui rangkaian jalan sediaada dalam Negeri Melaka. Jalan sediaada yang terdekat pada bahagian selatan tapak projek ialah Lebuhraya SPA (.Sg. Udang – Paya Rumpit – Ayer Keroh). Lebuhraya SPA menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan melalui Persimpangan Ayer Keroh. **Rajah 1** menunjukkan lokasi tapak projek.
- 3.3 Projek ini mempunyai dua (2) komponen cadangan utama iaitu, perumahan dan kemudahan infrastruktur. Jenis rumah cadangan boleh dibahagikan lagi kepada beberapa kategori berdasarkan keluasan dan rekabentuk, contohnya rumah berkembar, teres, rumah kluster dll. **Rajah 2** menunjukkan pelan tatatur cadangan Projek dan komponen-komponen cadangan telah diringkaskan dalam **Jadual 1**.



Rajah 1: Lokasi Tapak Projek



Rajah 2: Pelan Tatatur Cadangan Projek

Jadual 1: Komponen-Komponen Cadangan Projek

Komponen	Unit	Keluasan (m ²)	Peratus (%)
FASA 1			
Perumahan			
2-Tgkt Rumah Teras (24' x 70')	390	69,171	7.14
2-Tgkt Rumah Teras (22' x 70')	135	21,179	2.18
1-Tgkt Rumah Kluster (35' x 70')	55	14,696	1.52
1-Tgkt Rumah Teres Mampu Milik (20' x 70')	193	26,335	2.72
Baki	1	304	0.07
Jumlah Kecil	774	131,685	13.58
Kemudahan Infrastruktur			
Rizab jalan		112,766	11.63
Kawasan lapang		48,760	5.03
Rizab utiliti		4,611	0.48
Kolam takungan banjir		21,572	2.23
Rizab sungai/ rizab longkang		36,952	3.81
Rizab cerun		8,139	0.84
Tangki air & rumah pam - 2 unit		4,396	0.45
Dewan & pusat komuniti		6,000	0.62
Masjid (2,000 Orang)		6,712	0.69
Loji Rawatn Kumbahan		8,296	0.86
Tadika (500 Orang)		3,584	0.37
Substesen TNB - 8 unit		4,772	0.49
Jumlah Kecil		266,560	27.50
Jumlah Fasa 1	774	398,245	41.08
FASA 2			
Perumahan			
2-Tgkt Rumah Teres (22' x 70')	126	21,440	2.21
2-Tgkt Rumah Separuh Bekembar (40' x 80')	108	35,154	3.63
2-Tgkt Rumah Separuh Bekembar (35' x 80')	6	2,068	0.21
1-Tgkt Rumah Mampu Milik (20' x 70')	148	20,425	2.11
Baki	1	1,860	0.19
Jumlah Kecil	389	80,947	8.35
Kemudahan Infrastruktur			
Rizab jalan		43,609	4.50
Kawasan lapang		12,862	1.33
Rizab utiliti		2,449	0.25
Rizab longkang		2,177	0.22
Rizab cerun		5,157	0.53
Substesen TNB - 1 unit		301	0.03
Jumlah Kecill		66,555	6.87
Lot Pertanian		15,041	1.55
Jumlah Fasa 2	389	162,543	16.77
FASA 3			
Perumahan			
2-Tgkt Rumah Separa Bekembar (40' x 80')	430	134,102	13.83

Komponen	Unit	Keluasan (m ²)	Peratus (%)
2-Tgkt Rumah Separa Bekembar (50' x 80')	38	14,516	1.50
2-Tgkt Rumah Separa Bekembar (35' x 80')	18	6,230	0.64
Jumlah Kecil	486	154,848	15.97
Kemudahan Infrastruktur			
Rizab jalan		70,224	7.24
Kawasan rekreasi		5,358	0.55
Sekolah		27,564	2.84
Rizab utiliti		3,135	0.32
Rizab longkang		780	0.08
Substesen TNB- 2 units		503	0.05
Kolam takungan banjir		17,073	1.76
Rizab cerun		3,492	0.36
Gerai/tempat letak kenderaan		1,878	0.19
Jumlah Kecil		130,007	13.41
Jumlah Fasa 3	486	284,855	29.39
FASA 4			
Perumahan			
1-Tgkt Rumah Kluster (35' x 70')	273	71,677	7.39
Jumlah Kecil	273	71,677	7.39
Kemudahan Infrastruktur			
Rizab jalan		40,021	4.13
Rizab longkang		5,263	0.54
Rizab utiliti		5,293	0.55
Substesen TNB - 1 unit		666	0.07
Rizab cerun		815	0.08
Jumlah Kecil		52,058	5.37
Jumlah Fasa 4	273	123,735	12.76
Jumlah Keseluruhan	1,922	969,378	100.00

3.4 Pembangunan ini telah dirancang untuk dilaksanakan dalam empat (4) fasa bermula pada tahun 2016. Fasa pertama pembangunan dijangka siap dalam tempoh masa 2 tahun (pada 2018), bermula dari tarikh permulaan. Manakala, permulaan fasa berikutnya akan bergantung pada permintaan pasaran dan situasi ekonomi semasa dalam negeri.

4.0 PERSEKITARN SEDIADA

Parameter	Keterangan
Persekitaran Fiziko-Kimia	
Guna Tanah	Jenis guna tanah utama dalam kawasan tapak ialah ladang kelapa sawit dengan sebahagiannya ditumbuhi tumbuhan renek. Guna tanah utama yang terdapat dalam lingkungan sekitar 1 km dari tapak ialah gabungan kawasan ladang kelapa sawit dan ladang getah bernama Ladang Chan Chong Siew serta Ladang TSK Bertam Ulu, kawasan perindustrian iaitu, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, perumahan serta kawasan komersial. Kemudahan komuniti dan kemudahan infrastuktur seperti sekolah, pusat keagamaan, tapak pelupusan sampah Sg. Udang, kompleks penjara Sg. Udang serta pusat kesihatan adalah terletak di sekitar penempatan, di sepanjang Lebuhraya SPA.
Topografi	Secara umumnya, tapak ini adalah beralun dengan aras terendah iaitu 17.64 m sehingga aras tertinggi 87.03 m di atas aras laut (MSL). Kira-kira 88% kawasan beralun ini berada di antara 0° hingga < 15° dan kitar 12% daripada tapak ini adalah ≥ 15°.
Ciri-ciri Geologi	Jenis batuan adalah batuan " <i>Devonian geological period</i> " dan tidak terletak di sekitar sebarang lokasi sumber mineral.
Jenis Tanah	Siri Gajah-Mati-Muncung-Melaka. Daripada sampel permukaan tanah, taburan partikel tanah ialah 27% hingga 39% untuk tanah liat, 18% hingga 21% untuk kelodak, 25% hingga 42% untuk pasir dan 4% hingga 24% untuk batuan.
Rejim Hidrologi	Projek ini terletak di dalam kawasan tadahan Sg. Bertam Ulu. Sg. Bertam Ulu merupakan hulu Sg. Ayer Hitam. Sg. Ayer Hitam mengalir masuk ke dalam Sg. Ayer Salak sebelum mengalir ke dalam Sg. Malim di bahagian selatan tapak Projek.
Meteorologi	Berdasarkan data 10 tahun (2005 - 2014) dari Stesen Utama Batu Berendam (Stesen No. 48665) Taburan Hujan Tahunan : 1,915.56 mm Kelembapan Relatif : 75.63% hingga 83.26% Purata Suhu Persekitaran : 26.6°C hingga 28.2°C Arah Tiupan Angin : 48.8% dari Timur Laut dan Utara Purata Kelajuan Angin Tahunan : 2.0 m/s
Kualiti Air Permukaan	<i>Grab sampling</i> telah dijalankan di 3 lokasi di Sg. Bertam Ulu dan anak-anak sungainya. Julat bacaan WQI ialah 80.4 hingga 93.6. Keputusan menunjukkan bahawa kualiti air permukaan bagi Sg. Bertam Ulu dan anak-anak sungai adalah dalam Kategori Kelas II berdasarkan piawaian NWQS.

Kualiti Udara Persekitaran	Kepekatan Jumlah Pepejal Terampai (TSP) telah diukur di 2 lokasi selama 24-jam. Bacaan kepekatan TSP ialah 53 ug/m ³ dan 50 ug/m ³ . Bacaan bagi kedua-dua lokasi ini berada di bawah paras yang dibenarkan iaitu, 260 ug/m ³ berpandukan MRAQG.
Tahap Bunyi Bising	Tahap bunyi bising telah diukur di 2 lokasi selama 24-jam secara berterusan. Tahap bunyi bising bagi semua lokasi sampel adalah lebih rendah daripada tahap bunyi bising yang dibenarkan di Kawasan Kediaman Pinggir Bandar (Kepadatan Sederhana) iaitu 55.0 dB(A) bagi waktu siang dan 45.0 dB(A) pada waktu malam, kecuali bacaan bagi N1 pada waktu malam. Tahap bunyi bising pada waktu siang bagi N1 ialah 50.7 dB(A) dan N2 ialah 44.8 dB(A) manakala, tahap bunyi bising pada waktu malam ialah 50.1 dB(A) bagi N1 dan 41.3 dB(A) bagi N2.
Persekitaran Biologi dan Ekologi	
Flora & Tanaman	Tinjauan flora telah dijalankan berdasarkan pemerhatian tapak dan anggaran menggunakan transek. Tapak Projek ini adalah terdiri daripada ekosistem kawasan tanah rendah dengan aktiviti pertanian yang aktif, iaitu tanaman kelapa sawit. Tumbuh-tumbuhan lain yang dijumpai di kawasan tapak merupakan tumbuhan perintis dan invasif. Jenis-jenis tumbuhan ini adalah tidak kritikal dari segi ekologi kerana tumbuhan tersebut biasa ditemui di habitat terganggu. Berdasarkan tinjauan, tiada tumbuhan yang tersenarai sebagai tumbuhan yang memerlukan pemuliharaan berdasarkan Senarai Merah Species Terancam IUCN dan Senarai Merah Tumbuhan Malaysia.
Fauna & Hidupan Liar	Tinjauan fauna telah dijalankan berdasarkan kaedah pemerhatian secara langsung. Keadaan tapak yang merupakan tanaman kelapa sawit tidak mendorong kepada kepelbagaian hidupan liar. Kawasan ini merupakan habitat terganggu dengan kebanyakan spesis adalah berkebolehan untuk menyesuaikan kehidupan dengan persekitaran buatan dan aktiviti manusia. Tiada spesis unik atau terancam dijumpai di kawasan Projek semasa tinjauan ini dilaksanakan.
Persekitaran Sosio-ekonomi	
Populasi dan Demografi	Berdasarkan Bancian Populasi dan Perumahan Malaysia 2010 untuk Mukim Tanjong Minyak. Populasi : 21,338 orang; Lelaki (11,120 orang) & Perempuan (10,218 orang)

	<p>Komposisi Etnik : Malayu (76.0%), Cina (18.7%), India (3.2%), Bumiputera (1.3%) and Lain-lain (0.9%).</p> <p>Kumpulan Pekerja Aktif (15 - 59 tahun) : 12,556 orang</p> <p>Bilangan Kediaman : 4,870 unit</p> <p>Tempat Kediaman : 5,986</p>
Aktiviti Ekonomi	<p>Status ekonomi di kawasan persekitaran Projek telah dilakukan berdasarkan pemerhatian tapak. Status ekonomi penduduk boleh dikategorikan sebagai kategori berpendapatan sederhana berdasarkan jenis hartanah, kawasan perindustrian serta aktiviti perniagaan. Sumber pendapatan penduduk setempat adalah daripada hasil gaji seperti bekerja di sektor perindustrian dan komersial, bekerja di sektor awam serta bekerja sendiri sebagai pemilik perniagaan bagi rumah kedai atau pejabat.</p>
Rangkaian Jalan & Trafik	<p>Lebuh SPA (Sg. Udang - Paya Rumput - Ayer Keroh) dan Jalan Persekutuan 33 merentasi Timur Barat tapak Projek dari arah Ayer Keroh ke Sg. Udang di bahagian Selatan tapak Projek. Lebuh SPA ialah jalan dua lorong dua hala yang menghubungkan Sg. Udang dengan Cheng. Tapak ini boleh diakses melalui persimpangan yang menghubungkan Taman Bertam Impian yang juga merupakan persimpangan terdekat ke tapak Projek.</p> <p>Kapasiti laluan bagi Lebuh SPA ialah 2,839 pcu/hr pada AM Peak dan 2,392 pcu/hr pada PM Peak. Sementara itu, kapasiti laluan bagi jalan Taman Bertam Impian/ Kawasan Perindustrian Bukit Rambai ialah 941 pcu/hr pada AM Peak dan 549 pcu/hr pada PM Peak.</p>

5.0 KESAN-KESAN BERPOTENSI & LANGKAH-LANGKAH TEBATAN

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
A. Fasa Pembinaan		
Penyediaan Tapak & mobilisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan kenderaan berat yang bergerak boleh menyebabkan kesesakan jalan raya dan kemalangan. • Pembersihan tumbuhan untuk meyediakan laluan akses boleh menyebabkan hakisan tanah. • Air larian permukaan yang membawa mendapan daripada laluan akses akan meningkatkan kekeruhan air dalam saluran berdekatan. • Pergerakan jentera berat akan menghasilkan bunyi bising dan memberi kesan kepada penduduk berdekatan dan orang awam. • Pergerakan jentera berat yang berdekatan dengan kawasan perumahan akan meningkatkan zarah-zarah terampai dalam udara dan mengurangkan kualiti udara. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan kenderaan berat perlu dijadual bagi mengelakkan waktu puncak • Mengenalpasti dan mengawal kawasan pembersihan kepada tempat bekerja sahaja. • Mengekalkan tumbuhan di sebelah tapak bekerja sebagai pelindung semulajadi untuk memerangkap kelodak • Hadkan waktu bekerja pada waktu siang (0700 - 1800 jam) sahaja. • Menyediakan penghadang yang sempurna. • Mengurangkan had kelajuan kenderaan bergerak apabila melalui kawasan perumahan.
Pembersihan tapak & pelupusan biomas (sisa tumbuhan)	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kekeruhan air / pepejal terampai yang boleh mengganggu ekologi akuatik. • Peningkatkan kadar kehilangan dan hakisan tanah yang boleh mengurangkan kapasiti penyerapan dan menyebabkan peningkatan air larian permukaan. • Peningkatan air larian permukaan boleh meningkatkan kadar aliran sungai dan menyebabkan banjir kilat di hilir sungai. • Kehilangan tanaman dan habitat sediaada. • Biomas yang dijangka terhasil ialah 12,420 	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih waktu dan tempoh yang sesuai untuk pembersihan tapak agar tidak dijalankan pada musim hujan. • Membina parit tanah sementara dan empat (4) kolam perangkap kelodak untuk memerangkap kelodak sebelum air larian permukaan disalur keluar dari tapak • Menutup kawasan terdedah dengan sungkupan (mulching) bagi mengurangkan hakisan tanah akibat daripada air hujan. • Membina kemudahan kolam takungan

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
	<p>ton (138 ton/hek daripada 90 hek)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan biomas yang tidak sempurna boleh menyebabkan pembakaran terbuka dan pencemaran udara. • Pelupusan biomas yang tidak sempurna boleh menyebabkan penyebaran penyakit bawaan haiwan yang boleh membahayakan kesihatan dan meningkatkan kandungan organik di dalam saluran air berdekatan • Pergerakan jentera/ peralatan akan menghasilkan bunyi bising dan memberi kesan kepada penduduk sekitar dan orang awam. • Pelepasan asap daripada pergerakan jentera / peralatan akan mengurangkan kualiti udara dan mengganggu penglihatan. • Pergerakan jentera berat dalam kawasan tapak akan meningkatkan zarah-zarah terampai dalam udara dan menyebabkan penurunan kualiti udara. 	<p>sementara dengan turutan pembinaan yang betul bagi mengurangkan kadar aliran air hujan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membahagiakan kerja-kerja pembersihan tapak kepada empat (4) fasa bagi memastikan keadaan kerja sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal. • Mulakan pembersihan tapak dari sempadan tapak ke arah kawasan dalam/ dari Lebuh SPA ke arah sebelah Utara tapak Projek. • Membenarkan pembersihan tapak secara berturutan agar migrasi fauna/ hidupan liar boleh berlaku secara berperingkat • Pembakaran terbuka adalah dilarang bagi mengelakkan pencemaran udara. • Pokok-pokok kecil serta pelepah kelapa sawit perlu disungkup (mulched) dalam tapak Projek . • Batang kelapa sawit perlu dipotong kepada saiz yang kecil dan ditanam di kawasan yang sesuai dalam tapak • Hadkan waktu bekerja pada waktu siang (0700 - 1800 jam) sahaja. • Menghadkan had laju bagi kenderaan dalam tapak pada had kelajuan 25 km/jam
Menyediakan kawasan simpanan sementara dan kem pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Percanggahan budaya antara pekerja asing dan penduduk setempat. • Mewujudkan peluang perniagaan berskala kecil dan peluang pekerjaan • Penyediaan kemudahan rawatan kumbahan sementara akan meningkatkan beban 	<ul style="list-style-type: none"> • Melantik tenaga kerja profesional untuk mengawal pekerja asing • Menyediakan kemudahan tandas sementara yang mencukupi kepada pekerja bagi mengelakkan pencemaran di saluran air. • Memantau dan menyelenggara secara

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
	<p>tambahan/ pencemaran dalam saliran air.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sisa pepejal dari kem pekerja jika tidak diuruskan dengan sempurna akan menjejaskan kebersihan persekitaran serta mendatangkan masalah kesihatan dan mengakibatkan pembakaran terbuka. • Peningkatan kemungkinan berlakunya tumpahan dan kebocoran akan mengakibatkan pencemaran tanah dan air. 	<p>berkala kemudahan sistem rawatan kumbahan sementara tapak dengan menjalankan pemantauan kualiti air.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan tong sampah yang sesuai dengan kutipan yang kerap bagi mengelakkan keadaan yang kotor dan pembekalan makanan kepada hidupan liar secara tidak langsung. • Melarang pembakaran terbuka bagi mengelakkan pencemaran udara. • Menguatkuasa larangan pembuangan sampah merata di kem pekerja. • Menyediakan tadahan sekunder bagi kemudahan simpanan sementara, contohnya tangki skid bagi mengelakkan pencemaran tanah dan air.
<p>Kerja-kerja tanah (pomotongan & tambakan) dan pelupusan tanah berlebihan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kekeruhan air / pepejal terampai yang boleh mengancam ekologi akuatik. • Meningkatkan hakisan tanah serta kadar hakisan yang akan mengurangkan kapasiti penyerapan dan menyebabkan peningkatan air larian permukaan. • Hakisan tanah yang teruk boleh menyebabkan tanah runtuh dan ketidakstabilan bangunan yang berdekatan dengan cerun. • Penambahan kadar air larian permukaan akan meningkatkan kadar aliran air dan menyebabkan banjir kilat. • Pemandangan tapak pembinaan yang kurang teratur 	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih waktu dan tempoh yang sesuai untuk pembersihan tapak agar tidak dijalankan pada musim hujan. • Menyediakan Pelan Hakisan dan Kawalan Kelodak (ESCP) untuk perancangan dan melaksanakan langkah-langkah tebatan bagi setiap fasa. • Menjalankan kerja-kerja tanah dalam empat (4) fasa bagi memastikan keadaan kerja sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal. • Menyediakan parit tanah sementara dan empat (4) kolam perangkap kelodak untuk memerangkap kelodak sebelum air larian permukaan disalurkan keluar dari tapak • Menutup kawasan terdedah dengan

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kemalangan jalan raya dan masalah keselamatan pengguna disebabkan oleh kelodak dan lumpur yang dibawa oleh kenderaan pembinaan ke atas jalan dari tapak pembinaan. • Pelepasan asap dari pergerakan jentera / peralatan akan mengurangkan kualiti udara dan mengganggu penglihatan. • Pergerakan jentera berat dalam tapak Projek akan meningkatkan zarah-zarah terampai dalam udara dan mengakibatkan kemerosotan kualiti udara. • Penduduk setempat mungkin mengalami masalah gangguan penglihatan disebabkan zarah-zarah terampai dalam udara (habuk) dan pencemaran bunyi bising. 	<p>sungkupan (mulching) bagi mengurangkan hakisan tanah akibat daripada air hujan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kawasan terdedah perlulah distabilkan secepat mungkin secara pemadatan, <i>hydroseeding</i>, <i>turt mats</i>, atau geotekstil yang bersesuaian dan boleh menggalakkan pertumbuhan rumput. • Langkah-langkah lain yang boleh dilaksanakan bagi mengawal hakisan dan kelodak ialah melaksanakan kajian serta perancangan yang terperinci, reka bentuk <i>terracing</i> yang sempurna, <i>surface roughening</i>, memasang pembedung sementara bagi aliran melintas, membina pelindung outlet, memasang <i>silt fence</i>, membina <i>check dam</i> dan tempat mencuci tayar kenderaan. . • Laluan utama serta jalan keluar masuk dari tapak Projek perlu dilembapkan sehingga tidak berhabuk. • Melakukan pemeriksaan tapak dan kerja-kerja pemantaun secara berkala bagi memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan berada dalam keadaan yang sempurna. • Menghadkan had laju bagi kenderaan dalam tapak pada had kelajuan 25 km/j • Pemasangan penghadang di sekeliling kawasan tapak bagi mengurangkan pencemaran udara dan bunyi bising yang dialami oleh penduduk berdekatan.

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
Penghantaran bahan binaan	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan kenderaan berat yang bergerak boleh menyebabkan kesesakan jalan raya dan kemalangan disekitar tapak/Lebuh SPA. • Pelepasan asap dari pergerakan jentera / peralatan akan mengurangkan kualiti udara dan mengganggu penglihatan. • Penduduk setempat mungkin mengalami masalah gangguan penglihatan disebabkan zarah-zarah terampai dalam udara (habuk) dan pencemaran bunyi bising. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kenderaan yang mengangkut bahan-bahan gembur seperti tanah dan pasir perlu ditutup dengan <i>tarpaulin</i> bagi mengelakkan tumpahan dan habuk daripada tiupan angin. • Menyediakan kemudahan tempat mencuci tayar kenderaan di pintu keluar tapak bagi membersihkan tayar kenderaan sebelum dibenarkan untuk masuk ke jalan raya awam. • Sentiasa melembapkan jalan yang menghubungkan tapak Projek dan jalan awam. • Kenderaan dan jentera pembinaan perlu diselenggara sebelum diguna pakai bagi mengurangkan kadar pelepasan asap. • Pergerakan kenderaan berat perlu dijadual bagi mengelakkan waktu puncak • Menempatkan papan-papan tanda amaran di kedua-dua arah laluan jalan raya utama berdekatan pintu masuk/keluar tapak Projek.
Pembinaan bangunan & infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan kawasan berturap dan tidak telus air akibat daripada perubahan guna tanah akan mengurangkan kapasiti penyerapan air. Ini akan meningkatkan air larian permukaan dan aliran air semasa hujan lebat. • Tumpahan tidak sengaja atau pelupusan yang tidak sempurna bagi sisa cecair, minyak/ bahan kimia yang telah digunakan akan menyebabkan pencemaran tanah dan air. • Sisa pembinaan/ lebihan binaan jika tidak diuruskan dengan sempurna akan 	<ul style="list-style-type: none"> • Merancang turutan pembinaan dengan betul dan membina kemudahan kolam takungan sebelum kawasan turapan bertambah • Mengasingkan sisa berjadual daripada sisa pepejal domestik sebelum dilupuskan di tapak pelupusan yang dibenarkan. • Sisa berjadual yang tersenarai di dalam Jadual Pertama Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, perlu dikendalikan dan diuruskan mengikut Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
	<p>mewujudkan keadaan yang kotor, lalu mengancam kesihatan serta menyebabkan pembakaran terbuka</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelepasan asap dan bunyi bising dari jentera pembinaan boleh mengakibatkan gangguan kepada penduduk berdekatan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Sisa pembinaan yang masih boleh diguna perlu diasingkan dan diguna semula . • Sisa <i>non-biodegradable</i> perlu dikumpul dan dilupus di tapak pelupusan yang dibenarkan. • Memilih jentera yang sesuai seperti <i>drop hammer</i> berbanding dengan <i>diesel hammer</i> berdasarkan keperluan pembinaan. • Hadkan waktu bekerja pada siang hari (0700 - 1800 jam) sahaja. • Pemasangan penghadang di sekeliling kawasan tapak bagi mengurangkan pencemaran udara dan bunyi bising yang dialami oleh penduduk berdekatan.
Penyediaan landskap dan pembersihan selepas siap	<ul style="list-style-type: none"> • Pelupusan sisa pepejal yang tidak sempurna akan menjejaskan kebersihan persekitaran serta mendatangkan masalah kesihatan dan mengakibatkan pembakaran terbuka. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih dan menanam tumbuhan yang tumbuh dengan cepat, rendah, teguh dan memberikan manfaat kepada ekologi.
B. Peringkat Operasi		
<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan pelepasan efluen 	<ul style="list-style-type: none"> • Projek dianggar akan menghasilkan 2,559.82m³ efluen sehari dengan 625.74 kg BOD₅/hari dan 773.16 kg SS/hari apabila siap sepenuhnya. • Pelepasan efluen yang berterusan, jika tidak dirawat akan mengakibatkan pencemaran air yang teruk di saluran utama • Lokasi kemudahan rawatan yang tidak sesuai akan mengakibatkan aduan penduduk setempat dan orang awam jika terdapat masalah bau busuk. 	<ul style="list-style-type: none"> • Loji rawatan kumbahan mesti direka bentuk mengikut Garis Panduan Industri Pembentungan Malaysia Jilid IV: Loji Rawatan Kumbahan, Edisi Ke-3 yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). • Loji tersebut mesti mematuhi piawaian efluen yang ditetapkan dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 • Membina Loji Rawatan Kumbahan (STP) dengan betul dan menempatkan di lokasi yang sesuai.

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan penghasilan dan pelupusan sisa pepejal 	<ul style="list-style-type: none"> • Projek ini dianggar akan menghasilkan 70.71m³ sisa pepejal domestik setiap hari apabila siap sepenuhnya, • Tiada kesan yang ketara berlaku jika proses pungutan dan pelupusan diambil alih oleh pihak berkuasa tempatan dan Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara • Walau bagaimanapun, sekiranya pungutan dan pelupusan sisa pepejal domestik tidak diuruskan dengan sempurna, kejadian tersebut akan mengurangkan nilai estetik persekitaran dan menyebabkan pencemaran air serta mengakibatkan penyebaran penyakit vektor. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan pengasingan sisa basah dari dapur. • Mengurangkan jumlah sisa pepejal melalui guna semula dan kitar semula, • Promosi kempen-kempen kitar semula perlu diadakan dengan kerap oleh pihak berkuasa/ agensi yang berkaitan
<p>Penambahan air larian permukaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dianggarkan sebanyak 45.92% air larian permukaan dari kawasan Tadahan A akan bertambah dan sebanyak 48.42% air larian permukaan dari kawasan Tadahan B akan berkurang selepas Projek siap sepenuhnya. • Peningkatan magnitud aliran air akan mengakibatkan banjir kilat atau membentuk kawasan takungan air di bahagian hilir sungai. • Walau bagaimanapun, penambahan air larian permukaan dijangka tidak akan memberi impak yang ketara semasa hujan lebat dengan pembinaan empat (4) kolam takungan dalam kawasan tapak Projek. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melebarkan bahagian sungai dalam kawasan tapak untuk meningkatkan kapasiti keratan sungai yang sediaada, termasuk menyediakan perlindungan yang sesuai untuk bahagian cerun yang ditenggelami air dan rizab yang cukupi bagi kerja-kerja penyelenggaraan. • Membina kolam takungan banjir sebagaimana yang telah direka bentuk oleh Perunding Jurutera C&S dan diluluskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) • Penyelenggaraan kolam takungan dengan kerap bagi memastikan kecekapan tadahan.
<p>Peningkatan kenderaan dan pertambahan trafik</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan jumlah kenderaan selepas Projek siap sepenuhnya dijangka akan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menaik taraf Lebuhraya SPA daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala oleh

AKTIVITI	IMPAK-IMPAK BERPOTENSI	LANGKAH-LANGKAH TEBATAN
	<p>menyebabkan kesesakan lalu lintas, terutamanya semasa waktu puncak kerana Lebuhraya SPA telah melebihi had kapasiti laluan walaupun sebelum Projek ini dicadangkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penambahan pelepasan asap dan peningkatan bunyi bising akibat daripada penambahan kenderaan dari tapak Projek akan meningkatkan kadar bunyi bising dan bahan pencemaran udara seperti habuk, asap dan gas yang dilepaskan dari kenderaan bermotor. Namun begitu peningkatan tersebut tidak akan memberikan kesan yang ketara kepada alam sekeliling. 	<p>pihak berkuasa dari Cheng ke Sungai Udang.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menambah baik geometrik Persimpangan A bagi memudahkan kenderaan untuk membuat Pusingan U. • Cadangan jalan masuk ke tapak Projek (Persimpangan B) perlu ditetapkan sebagai persimpangan <i>left in left out</i> sahaja. • Menaik taraf median dan geometrik persimpangan yang terletak 300m dari cadangan jalan masuk tapak (Persimpangan B) bagi membenarkan kenderaan masuk dari Cheng ke tapak Projek.

6.0 KESIMPULAN

- 6.1 Kajian EIA telah mengenalpasti kesan-kesan kepada alam sekitar semasa peringkat pembinaan dan beroperasi. Dengan pelaksanaan langkah-langkah tebatan yang telah disadangkan dalam laporan ini, kesan-kesan yang berpotensi dijangka tidak akan terlalu ketara lalu menjejaskan kualiti alam sekitar.
- 6.2 Projek ini dijangkakan akan memberi kesan positif kepada sosio-ekonomi setempat dan juga Negeri dengan penggunaan kawasan yang sediaada secara mampan. Pembangunan yang berdaya saing dapat membantu pertumbuhan ekonomi negeri dalam menyediakan kemudahan yang cukup, selesa, mampu milik dan berkualiti untuk semua kumpulan masyarakat.
- 6.3 Dengan perancangan dan pengurusan pembinaan yang menyeluruh, Projek ini dijangka tidak akan memberikan kesan yang signifikan kepada kualiti alam sekitar malahan pelaksanaan Projek ini akan menyumbang kepada pembangunan Negeri.

EXECUTIVE SUMMARY

1.0 INTRODUCTION

1.1 The Environmental Impact Assessment (EIA) report is prepared for **The Proposed 96.93 Hectares Of Housing Development On Lot 38 And Lot 57 (New Lot 10752) In Mukim Tanjong Minyak District Of Melaka Tengah, Melaka**. The total development area is approximately 96.9378 hectares (239.54 acres).

1.2 The Project is a prescribed activities cited as **Activity 16** in the **First Schedule** of the **Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 2015** made under **Section 34A(1)** of the **Environmental Quality Act, 1974**.

1.3 This project is initiated by Messrs. **Teladan Setia Sdn. Bhd.**. The EIA report is prepared and submitted by an EIA study team led by Mr. **Ng Tiong Sheng**, an EIA Consultant registered with the Department of Environmental (DOE Reg. No. C0846).

